

Kajian Dampak Mekanisme Pengedaran Media terhadap Filem Etnografi di China

Geng Site*

Faridah Ibrahim

Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Malaysia

Email perhubungan: 416788505@qq.com*

Abstrak

Makalah ini meneroka mekanisme dan cara penyebaran filem etnografi di China. Kajian lepas banyak tertumpu kepada penyebaran filem fiksyen dan mekanisme penyebaran maklumat tentangnya. Walau bagaimanapun, kajian berkenaan penyebaran filem etnografi kurang mendapat perhatian para pengkaji. Fokus kepada hal ini baharu sahaja mendapat tumpuan apabila muncul dan bercambahnya aktiviti penerbitan bebas dan tayangan filem etnografi secara akademik. Tumpuan kajian ini adalah kepada para pengarah dan penerbit bebas yang bergiat dalam organisasi penerbitan dan pengedaran filem etnografi di China. Ia meneroka bagaimana ciri-ciri media dokumentari etnografi boleh disebarluaskan kepada orang ramai melalui mekanisme komunikasi baharu. Untuk memahami mekanisme pengedaran semasa filem etnografi di China, makalah ini menggunakan data temu bual mendalam untuk meneroka platform pengedaran dan pengaruh penyebaran filem etnografi mengikut tema yang berbeza. Kajian juga meneliti kesan dan tahap pengaruh mekanisme pengedaran terhadap pembangunan kandungan sesebuah filem. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa festival filem anjuran pihak muzium dan tayangan simposium universiti menyumbang bahagian terbesar mekanisme penyebaran filem etnografi China. Selain itu, program pertukaran tontonan filem dan model kerjasama platform dalam talian menyumbang kepada meningkatnya penyebaran. Kesimpulannya, penyebaran filem etnografi bertambah disebabkan oleh kesedaran awam, dan meningkatnya mutu audio dan visual, menyebabkan ianya semakin diterima oleh penonton menerusi platform media baharu.

Kata kunci: Filem Etnografi, Mekanisme Komunikasi, Penonton, Media